

→ MUKA DUA

PR1MA terus penuhi komitmen

→ Kerajaan komited bina satu juta rumah mampu milik untuk rakyat

Oleh Fahmy Azril Rosli
fahmy.azril@nstp.com.my

► Kuala Lumpur

Kerajaan komited membina satu juta rumah mampu milik, bagi memberi peluang kepada rakyat, khususnya golongan berpendapatan rendah (B40) dan sederhana (M40) memiliki kediaman masing-masing, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri menegaskan yang komitmen itu seiring hasrat kerajaan membina rumah mampu milik khusus bagi membantu golongan B40 dan M40.

"Komitmen kerajaan bagi membina rumah telah dipenuhi, di mana 139,338 rumah mampu milik atau 12.5 peratus siap dibina, manakala 311,281 buah rumah atau 28 peratus kini berada dalam pelbagai peringkat pembinaan."

"Bakinya pula kini berada pada peringkat perancangan serta prakelulusan. Ini adalah cerminan kepada agenda perumahan untuk rakyat, khususnya untuk kumpulan B40 dan M40.



Komitmen kerajaan bagi membina rumah telah dipenuhi, di mana 139,338 rumah mampu milik atau 12.5 peratus siap dibina, manakala 311,281 buah rumah atau 28 peratus kini berada dalam pelbagai peringkat pembinaan"

Najib Razak,
Perdana Menteri



(FOTO SAIRIEN NAFIS/BH)

Najib beramah mesra dengan pembeli rumah PR1MA selepas melancarkan Ekspo Jualan Perumahan Edisi Nasional - Ke Arah Sejuta Impian, Alami Gaya Hidup Sejahtera anjuran PR1MA di PWTC, semalam.

"PR1MA (Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia) berada di landasan memenuhi komitmennya membina 500,000 rumah untuk rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melancarkan Ekspo Jualan Perumahan Edisi Nasional - Ke Arah Sejuta Impian, Alami Gaya Hidup Sejahtera anjuran PR1MA yang berlangsung mulai semalam hingga 1 April ini di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Yang turut hadir Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Nor Omar; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa; Pengerusi PR1MA, Tan Sri Dr Alies Anor Abdul; Ketua Pegawai Eksekutif PR1MA, Datuk Abdul Mutalib Alias dan Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), Datuk Ahmad Azizi Ali.

Ekspo jadi pusat sehenti

Ekspo berkenaan berfungsi sebagai pusat sehenti terutama bagi golongan B40 dan M40 yang masih belum memiliki kediaman sendiri dengan lebih daripada 600,000 unit kediaman dibangunkan oleh pelbagai agensi kerajaan ditawarkan kepada orang ramai menerusi lebih 100 reruan yang dibahagikan mengikut lokasi dan kategori bagi kemudahan penggunaan.

Daripada jumlah itu, lebih 267,640 unit PR1MA dipamerkan, yang mana 60 peratus daripadanya berharga kurang RM300,000.

Antara kementerian dan agensi

yang terbabit adalah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang menawarkan 50,030 unit kediaman; RUMAWIP (51,173 unit); PPA1M (141,774 unit) dan Syarikat Perumahan Negara Bhd (SPNB) (99,974 unit).

Lulus 267,640 rumah

Najib yang juga Menteri Kewangan, berkata setakat ini PR1MA sudah meluluskan 267,640 rumah seluruh negara untuk dilaksanakan.

Beliau berkata, antara paling laris dari segi permintaan adalah projek PR1MA di Jalan Jubilee dekat Bukit Bintang, Kuala Lumpur yang mendapat langganan lebih 27 kali, dengan sejumlah 224 unit atau 42 peratus daripada 542 unit, ditempah dalam tempoh tiga hari dibuka untuk jualan.

Perdana Menteri juga menyasar pembinaan 200,000 rumah Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) yang setakat ini 141,774 unit diluluskan, selain 10,000 unit daripada jumlah keseluruhan dikhaskan untuk anggota polis.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif PR1MA, Datuk Abdul Mutalib Alias, berkata pihaknya menyiapkan 16,000 rumah di seluruh negara dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM4 bilion dalam tempoh dua tahun, selain meluluskan lebih daripada 267,640 rumah seluruh negara untuk pembinaan.

Beliau berkata, ia membuktikan usaha kerajaan melalui agenda perumahan negara untuk rakyat khu-

susny bagi manfaat golongan M40 sekali gus menunjukkan PR1MA berada di landasan tepat untuk membina 500,000 rumah untuk rakyat yang menjadi kerajaan komitmen selama ini.

"Agenda perumahan sentiasa menjadi keutamaan Kerajaan Pusat. Kita sediakan program perumahan untuk rakyat bagi golongan berpendapatan rendah iaitu B40. Bagi golongan berpendapatan sederhana (M40), mereka ini ada kelayakan berbeza untuk pemilihan rumah.

"Seiring agenda perumahan negara untuk kakitangan kerajaan, agensi seperti PR1MA, Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M), Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Rumah Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) akan berterusan dibina dengan ciri-ciri berkualiti untuk golongan M40 di bandar pinggir bandar dan kawasan bandar baharu.

"Inisiatif ini bagi menyokong janji kerajaan untuk menyediakan satu juta rumah mampu milik seluruh negara bawah pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) dan Dasar Perumahan Negara," katanya menerusi kenyataan sempena ekspo itu.

Ekspo perumahan terbesar negara yang diadakan di Kuala Lumpur ini adalah sebahagian daripada jelajah seluruh negara. Sebelum ini, ia pernah diadakan di Perak, Terengganu, Kedah, Kedah dan Sabah. Selepas ini, ekspo itu akan diperluaskan ke Pahang, Melaka, Negeri Sembilan, Johor dan Perlis dijangka sepanjang April ini.